

## PDRM, UKM jalin kerjasama strategik perkasanya operasi JSJN banteras dadah

Oleh **Nor Azizah Mokhtar** - Januari 8, 2024 @ 1:24pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay (tiga, kiri), menyerahkan replika cek kepada Naib Canselor, UKM, Profesor Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman (tiga, kanan), ketika Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Usahasama PDRM bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bukit Aman, hari ini. Turut hadir, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Datuk Seri Mohd. Kamaruddin Md. Din (dua, kiri). NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali

KUALA LUMPUR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) meneruskan kerjasama strategik bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam pendidikan dan latihan bagi menambah baik keupayaan penyiasatan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dalam memerangi ancaman dadah dan bahan psikoaktif baharu (NPS).

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay, berkata bagi mencapai matlamat itu, PDRM hari ini menyerahkan dana RM1.2 juta kepada UKM untuk sewa beli instrumen makmal.

Katanya, ia termasuk meningkatkan keupayaan penggunaan fasiliti makmal dalam menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan dadah dan NPS secara menyeluruh.

"Dana ini juga akan dimanfaatkan untuk penganjuran latihan kepakaran forensik narkotik kepada PDRM khususnya warga JSJN. Penyelidikan dan latihan akan dikelolakan Fakulti Sains dan Teknologi UKM.

"Jaringan kerjasama strategik ini diharap mampu untuk mempertingkatkan lagi usaha PDRM, khususnya JSJN dalam membanteras aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah secara lebih efektif," katanya pada sidang media di Bukit Aman di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman; Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UKM, Prof Datuk Dr Wan Kamal Mujani; Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa UKM, Prof Dr Mohammad Kassim serta Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Kamarudin Md Din.

Mereka turut menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Usahasama PDRM bersama UKM dipengerusikan Ayob Khan.

Ayob Khan berkata, dana ini adalah rentetan kerjasama sejak 21 Oktober 2022 apabila satu perjanjian persefahaman (MOU) ditandatangani oleh pihak PDRM Dan UKM.

Mengulas lanjut, beliau berkata, jaringan kerjasama strategik ini diharap mampu untuk mempertingkatkan usaha PDRM khususnya JSJN dalam membanteras aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah secara lebih efektif.

"Kerjasama strategik ini juga dapat memberi peluang kepada penyelidik untuk meneroka ilmu baharu, seterusnya diguna pakai sebagai metodologi pelaksanaan operasi antidadah.

"Kerjasama sumber kepakaran UKM juga akan dimanfaatkan melalui penyelidikan yang akan dijalankan dalam membantu PDRM memerangi ancaman terkini dadah NPS dengan lebih efisien di samping memperkasakan siasatan membabitkan kes narkotik," katanya.

Beliau berkata, terdapat tujuh aspek penyelidikan yang akan dilaksanakan dalam kerjasama PDRM dan UKM ini, antaranya melaksanakan kajian dan penyelidikan berkaitan perincian sebatian aktif.

"Pertama, kajian ini akan menentukan apakah bahan kimia yang digunakan untuk menghasilkan dadah.

"Ini bagi membolehkan pihak polis dengan kerjasama Lembaga Racun di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia untuk merangka satu SOP (prosedur operasi standard) atau undang-undang baharu, ataupun memperkemas undang-undang yang ada bagi mengawal ketat bahan kimia berkenaan," katanya.

Seterusnya, kata beliau, kajian bagi mengenal pasti bahan kimia yang boleh mendorong pengguna menjadi lebih ganas dan terbabit dalam jenayah kekerasan dan harta benda.

Ayob berkata, mengikut kajian awal dibuat oleh pihak JSJN, hampir 60 peratus penagih dadah yang ditahan terbabit dalam jenayah kekerasan dan jenayah harta benda.

Selain itu, katanya, kerjasama strategik itu turut akan melaksanakan kajian dan penyelidikan berkaitan penentuan kadar dos ketagihan bagi menentukan kadar minimum dos yang boleh mendorong penagih ketagih dadah selain menentukan proses rawatan dan pemulihan mereka kelak.

"Melalui kerjasama ini, kita juga akan melaksanakan penyelidikan penjejakan molekul asal dadah bagi menentukan jenis dadah yang akan memudahkan penyiasatan pihak polis.

"Seterusnya membangunkan pangkalan dadah forensik NPS untuk rujukan agensi penguatkuasaan di Malaysia dan di Asia Tenggara. Pangkalan data ini akan ditempatkan di makmal forensik Kuala Lumpur," katanya.

Dalam pada itu, katanya PDRM dan UKM juga akan bekerjasama dalam menghasilkan 'strip' ujian jenis elektrod biosensor yang lebih berkualiti dan kajian bagi menentukan kepekatan 'residue' (sisa) dadah di loji rawatan kumbahan.

Kaedah itu katanya, bagi mengesan aktiviti dadah atau makmal dadah di premis yang sukar untuk diakses oleh pihak polis seperti komuniti berpagar, kediaman VIP dan bangunan tinggi.

"Kita juga akan melaksanakan kursus jangka pendek yang mana setakat ini membabitkan lapan pegawai, iaitu seorang pegawai berpangkat Asisten Superintendan dan tujuh inspektor.

"Mereka bakal mengikuti enam kursus jangka panjang dan dua sijil profesional untuk memantapkan lagi siasatan dan operasi terhadap sindiket dadah," katanya.